

18/07/2001

Pelbagai acara pikat peminat

Haryani Ngah

JAWATANKUASA Penganjuran Sukan Sea menjanjikan acara promosi berbeza bermula Ogos depan dalam usaha menarik perhatian masyarakat untuk memberi sokongan kepada Sukan Sea XXI Kuala Lumpur pada 7 hingga 18 September depan.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein berkata, promosi menerusi paparan pengorbanan atlit dalam usaha menaikkan nama negara akan dilakukan untuk menaikkan kesedaran masyarakat berhubung temasya itu.

"Promosi ini bukan untuk menjual Sukan Sea tetapi kita lakukan bertujuan memberitahu masyarakat pengorbanan besar yang dilakukan atlit seperti mengepikan hal peribadi, masa dan keluarga demi mencari kejayaan buat negara.

"Menerusi paparan itu, masyarakat akan sedar betapa atlit sudah melakukan yang terbaik bagi menghadapi Sukan Sea.

"Menerusi paparan itu juga dapat mematahkan laporan negatif media berhubung kegagalan atlit mencapai kejayaan.

"Atlit melakukan yang terbaik dan sekiranya mereka tewas, kesalahan tidak harus dipersalahkan kepada mereka sepenuhnya," katanya selepas mempengerusi mesyuarat pengelolan Sukan Sea di Kementerian Belia dan Sukan (KBS) semalam.

Hishammuddin berkata, dalam mesyuarat itu, beliau menerima laporan daripada beberapa jawatankuasa kecil mengenai persiapan masing-masing untuk Sukan Sea itu.

Sementara itu bermula Ogos depan, promosi Sukan Sea akan diperkuatkan dengan melancarkan tabung rakyat, program sekolah angkat membabitkan 27 sekolah dengan 11,000 pelajar di samping menubuhkan pasukan sorak.

Hasil kutipan tabung rakyat akan digunakan untuk membeli tiket kepada orang miskin dan kurang upaya serta pelajar sekolah.

Di samping itu 20 papan tanda elektronik akan diletakkan dikawasan tumpuan utama seperti stesyen keretapi dan lapangan terbang serta kawasan yang membabitkan kejohanan seperti Seremban, Pulau Pinang dan Johor Bharu.

Sementara itu jualan tiket untuk penonton tempatan juga akan dipergiatkan.

Daripada 1.9 juta tiket yang disasarkan, 40,000 dianggar dijual untuk penonton luar negara manakala selebihnya adalah untuk penonton tempatan.

Memandangkan penjualan tiket masih lembap, jualan secara pukal mungkin diadakan dan ianya akan diagihkan kepada pelajar sekolah.

Manakala raptai Larian Obor dari Dataran Merdeka ke Stadium Nasional, Bukit Jalil diadakan setiap hari untuk memastikan masa yang diambil bagi larian itu sesuai dengan dengan masa untuk perasmian sukan itu.

Raptai formasi manusia juga dijalankan manakala raptai penuh akan diadakan pada 21, 25 Ogos serta 4 dan 5 Sept. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka hadir untuk menyaksikan satu daripada raptai penuh itu.

(END)